

27/08/2000

Pembeli perlu bersama atasi cetak rompak

SEDANG anak buah teman sibuk menceritakan kecanggihan E-Village yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 September ini, teman turut merasai sentimennya kerana sekurang-kurangnya kewujudan pusat berharga RM3 bilion itu akan menaikkan martabat karyawan kita.

Bukan apa, sekurang-kurang semangat teman pulih sedikit selepas dikejutkan dengan berita industri muzik tanah air kita sedang menuju ke alam kehancuran pada 2003 jika masalah cetak rompak tidak dibendung segera.

Wahai pembaca bijaksana, ini bukanlah satu skrip untuk memenuhi slot Drama Minggu Ini kerana kesannya sudah ada - penyanyi hilang kontrak, kakitangan syarikat rakaman dibuang kerja - walaupun saban hari fail teman masih dipenuhi dengan kisah mereka yang menyimpan seribu harapan untuk menjadi penyanyi atau penghibur berjaya.

Bayangkan jualan album tempatan, menurut data yang diberikan oleh Persatuan Syarikat Rakaman (RIM), pada 1996 ialah RM80 juta, tetapi data yang diperolehi sepanjang enam bulan pertama tahun ini, hanya mencatatkan RM20 juta. Ke mana perginya keuntungan RM60 juta lagi? Ke mana lagi, jika tidak ke kocek lanun cetak rompak yang tugasnya hanya menghasilkan plastik.

Kata RIM lagi, daripada 200 artis rakaman (termasuk penyanyi solo dan berkumpulan) pada 1996, jumlah itu menjunam sebanyak 45 peratus pada 1999. Kini semakin banyak kontrak artis tidak disambung dan kakitangan syarikat rakaman terpaksa diberhentikan sebagai langkah penjimatan kos pentadbiran serta pengurusan.

Seperti kata Pengarah Kewangan RIM, Lam Tuck Seng, ini bukanlah masanya untuk kita mempersoalkan kenapa harga kaset atau VCD itu tidak boleh dikurangkan. Kalau sudah lagak lanun, jika harga diturunkan barang beberapa ringgit apakah yang menghalang mereka untuk menurunkan lagi harga kaset atau CD itu, kerana hakikatnya kos seunit plastik hanyalah RM1.

Teman berpendapat masalah ini bukanlah boleh diatasi dalam satu jangka masa yang pendek kerana seingat teman masalah ini bagaikan tiada noktahnya. Lagi pun jika bercakap mengenai cetak rompak, ia ibarat bercerita mengenai telur dengan ayam. Siapa yang datang dulu, telur atau ayam? Dalam kes ini, siapa yang harus bertindak dahulu, syarikat rakaman, penyanyi sendiri, kerajaan, media atau kita sendiri sebagai pembeli?

Tetapi teman percaya ini bukanlah masanya untuk kita menuding jari kepada sesiapa. Ini adalah masanya untuk semua pihak menggembleng tenaga bagi sama-sama mengatasi masalah ini. Barangkali juga, ia seharusnya bermula daripada kita sebagai pembeli. Buat apa membeli sesuatu yang sahif barang curi!

"Memiliki barang curi adalah salah di sisi undang-undang. Namun masyarakat kurang peka terhadap perkara ini, malah mereka terus memberi sokongan kepada lanun dengan membeli kaset dan CD cetak rompak," kata Lam lagi dengan nada yang terserlah kecewa.

Wahai peminat Siti Nurhaliza dan Tomok (NewBoyz), inilah masanya anda membuktikannya jika benar-benar sayangkan mereka. Belilah hanya kaset dan CD tulen kerana selagi anda terus mendekati meja lanun cetak rompak, semakin dekatlah kerjaya Siti Nurhaliza dan Tomok sebagai penyanyi menemui kehancuran.

Satu lagi perkara yang anda boleh buat ialah dengan menyertai Kempen

Selamatkan Industri Muzik Tanah Air. Hubungi segera RIM menerusi talian 03-4044 6241 dan 03-4044 0188 (faksimili) atau datang sendiri ke Tingkat 2, No 2, Jalan Pangkor, Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur jika melihat peniaga menjual kaset atau CD tiruan.

Barangkali ada juga kalangan yang akan mencebikkan bibir dengan berkata, "Ini bukan masalah saya!" Tetapi percayalah, hiburan juga adalah sebahagian budaya kita. Ia ibarat irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan kerana jika dipisahkan akan sumbanglah bunyinya. Jumpa lagi! - hanizam@bharian.com.my

(END)